UNIT 9 KOMUNITI SIHAT DAN SELAMAT

Halaman Buku Teks: 53 – 58

A Jelaskan maksud komuniti. SP 3.2.1 TP1

Komuniti	_____
	_____

B Nyatakan POSITIF atau NEGATIF berdasarkan situasi di bawah yang menggambarkan nilai positif atau nilai negatif dalam komuniti. SP 3.2.1 TP2

1. Shakir yang menjuarai Kejohanan Badminton Kebangsaan bawah umur 12 tahun telah mendapat pujian daripada jiran-jiran tetangganya. [ ]

2. Kejayaan yang diraihkan oleh Shakir telah dicemuh oleh anak jirannya yang berasa iri hati terhadap pencapaiannya dalam bidang sukan. [ ]

3. Rakan-rakan sebaya Shakir sentiasa memberikan sokongan kepada Shakir dengan membantunya dalam pelajaran kerana dia sibuk menjalani latihan badminton. [ ]

4. Seorang rakan Shakir telah mencadangkan kepada Shakir agar mengambil bahan yang terlarang oleh persatuan sukan untuk meningkatkan staminanya. [ ]

5. Shakir telah memperoleh banyak rakan yang seusianya dari seluruh negara melalui laman sosial sejak dia menjuarai Kejohanan Badminton Remaja Kebangsaan. [ ]

				Disemak oleh:
SP ▶ 3.2.1 Menilai pengaruh komuniti kepada keselamatan.	TP1	◯ Menguasai	◯ Belum Menguasai	
SP ▶ 3.2.1 Menilai pengaruh komuniti kepada keselamatan.	TP2	◯ Menguasai	◯ Belum Menguasai	

LIVEWORKSHEETS